



ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
MINISTRY OF TOURISM ART AND CULTURE MALAYSIA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50568 KUALA LUMPUR



Tel: 603-6209 0600
Faks: 603-6201 5679
Portal Rasmi: www.arkib.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL BERSEMPENA MEMPERINGATI 100 TAHUN KELAHIRAN ALLAHYARHAM TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, PERDANA MENTERI MALAYSIA KEDUA

KUALA LUMPUR: 11 Mac 2022 – Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Yayasan Tun Razak dan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil bersempena memperingati 100 tahun tarikh kelahiran Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein di Dewan Solat Utama, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada jam 12.15 tengah hari sebelum solat Jumaat. Majlis dipimpin oleh Al-Fadhil Dr. Khalid bin Isa, Imam Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara tetamu kenamaan yang turut hadir adalah YBhg. Tun Hanif Omar selaku Pengerusi Yayasan Tun Razak, YBhg. Dato' Mohammed Nizam bin Tun Abdul Razak mewakili keluarga Allahyarham Tun Razak, YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah (Datuk Bandar Kuala Lumpur), Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan para jemaah masjid.

Abdul Razak bin Hussein dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang. Beliau adalah putera sulung kepada pasangan Dato' Hussein bin Mohd Taib dan Teh Fatimah binti Daud yang merupakan golongan bangsawan berbangsa Bugis di Pahang. Bapanya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Bentong dan diberi gelaran Orang Kaya Indera Syahbandar dan Orang Kaya Berempat Pahang.

Sumbangan Allahyarham Tun Abdul Razak dapat dilihat semenjak zaman sebelum merdeka apabila beliau terlibat bersama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memperjuangkan kemerdekaan negara daripada British. Pada 1955, Allahyarham telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran di bawah Kabinet pertama negara. Sebagai Menteri Pelajaran pertama, Allahyarham memainkan peranan penting dalam membentuk asas awal sistem pendidikan negara yang dilihat amat perlu bagi menggantikan sistem pendidikan penjajah yang diguna pakai pada waktu itu.

Atas usahanya, Penyata Razak telah dibentuk pada 1956 bagi menyatupadukan sistem pelajaran untuk membina sebuah bangsa yang bersatu padu dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar. Penyata Razak kemudiannya dimaktubkan sebagai Ordinan Pelajaran 1957.

Ketika tercetusnya tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Allahyarham yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan telah berjaya mengekang insiden berkenaan daripada terus berlarutan. Selepas kerajaan mengisytiharkan darurat berikutan insiden itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bagi mengambil alih pentadbiran kerajaan dengan Allahyarham menjadi pengerusinya. Majlis itu berjaya memulihkan semula ketenteraman awam dan seterusnya membentuk Rukun Negara iaitu ideologi kebangsaan Malaysia bagi merapatkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Allahyarham mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman pada 22 September 1970 dan beliau telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menekankan strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mewujudkan keharmonian dan perpaduan. Bagaimanapun, Allahyarham tidak dapat merencanakan lebih banyak pembangunan negara apabila menghembuskan nafas terakhir pada 14 Jan 1976 akibat penyakit leukemia pada usia 53 tahun.

Walaupun tempoh beliau menjawat jawatan Perdana Menteri adalah singkat, sumbangannya kepada negara sememangnya tidak dapat dipertikaikan dan akan dikenang sepanjang zaman. Gelaran 'Bapa Pembangunan' yang diberikan kepadanya adalah di atas sumbangannya dalam meletakkan batu asas kepada sistem pembangunan negara terutama kemajuan ekonomi di luar bandar, sehingga berjaya mencorakkan negara ini ke arah pembangunan seperti yang dinikmati pada hari ini.

Menurut Encik Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil yang diadakan pada hari ini adalah permulaan kepada program dan acara sempena Sambutan 100 Tahun Tarikh Kelahiran Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia. Sepanjang tahun 2022 ini, Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama

Yayasan Tun Razak dan beberapa rakan strategik yang lain telah merancang untuk mengadakan beberapa program bagi mengenang dan memperingati jasa dan sumbangan Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan Negara agar dapat dihayati oleh seluruh masyarakat Keluarga Malaysia.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
11 MAC 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia,
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Emel: pro@arkib.gov.my